

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA SEMINAR KENEGARAAN**

MELAKA PADA 10 MAC 2007

**BTN – UteM 2007**

**TEMPAT:**

**DEWAN BANQUET SERI NEGERI**

**AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :**

**10 MAC 2007**

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA  
SEMINAR KENEGARAAN BTN – UTeM 2007 DI  
DEWAN BANQUET SERI NEGERI, AYER KEROH  
MELAKA PADA 10 MAC 2007

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA

Y.B. DATUK YAAKUB BIN MD AMIN

PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN  
DAN PENGAJIAN TINGGI MELAKA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &  
ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN  
MOHD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN &  
INOVASI)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI BIRO TATANEGARA (BTN)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN EXCO MAJLIS  
PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI  
SEKALIAN,

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN SEMINAR KENEGARAAN INI. IA ADALAH SATU PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI PELAJAR YANG PERLU DIADAKAN BAGI MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME KEPADA PELAJAR.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA Y.B. DATUK YAAKUB BIN MD. AMIN KERANA SUDI HADIR PADA SEMINAR KENEGARAAN BTN – UTeM HARI INI. JUGA UCAPAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK BIRO TATANEGARA KERANA MENJAYAKAN SEMINAR KENEGARAAN INI SEKALI LAGI BERSAMA UTeM.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA MELIHAT PENGISIAN SEMINAR HARI INI AKAN MENYENTUH TOPIK BERKAITAN PERPADUAN ANTARA KAUM DAN HUBUNGANNYA BAGI MENJADIKAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU, AMAN SERTA MAKMUR. SEHUBUNGAN ITU SAYA INGIN MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA SEMANGAT PERPADUAN ITU DIKEKALKAN TERUTAMANYA DALAM MASYARAKAT WARGA KAMPUS.

DI MALAYSIA INI KITA PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KITA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT BERBILANG KAUM. ANTARA KAUM-KAUM YANG ADA DI SINI IALAH MELAYU, CINA, INDIA, IBAN, KADAZAN, PORTUGIS, BABA-NYONYA DAN SEBAGAINYA.

BEGITULAH UNIKNYA MALAYSIA INI YANG TIDAK SAHAJA MEMPUNYAI MASYARAKAT PELBAGAI KAUM TETAPI JUGA MEMPUNYAI PELBAGAI ADAT



RESAM TETAPI HIDUP DALAM KEADAAN AMAN, SENTOSA DAN MAJU. KITA DI SINI MENYAMBUT PELBAGAI PERAYAAN SECARA MUHIBAH DENGAN MAJLIS RUMAH TERBUKA SEPERTI HARI RAYA, TAHUN BARU CINA DAN DEEPAVALI. KITA JUGA SERING BERKONGSI PERAYAAN DAN SALING MENGUCAPKAN TAHNIAH APABILA MENYAMBUT SESUATU PERAYAAN.

KUNCI KEJAYAAN DAN KEHARMONIAN INI IALAH PERPADUAN KAUM YANG TELAH DITERAPKAN SELAMA INI DAN IA TELAH MEJAMIN KEPADA KESELAMATAN, KEBEBASAN, KEMERDEKAAN DAN KEDAULATAN NEGARA. MALAHAN IA JUGA ADALAH PENENTU KEPADA KESTABILAN EKONOMI DAN POLITIK NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PERISTIWA BERDARAH 13 MEI 1969 TELAH MEMBERI PENGAJARAN KEPADA KITA UNTUK MELIHAT KELEMAHAN YANG BERLAKU. IA TERJADI KERANA WUJUDNYA PERASAAN CURIGA DAN KETIDAKPUASAN HATI SESETENGAH KAUM DENGAN KAUM YANG LAIN. KEMUDIAN IA TELAH MENCETUSKAN RUSUHAN APABILA SENTIMEN PERKAUMAN DAN KEAGAMAAN DITIUP DAN MEMUSNAHKAN KEHARMONIAN KAUM PADA MASA ITU.

APABILA PERTELINGKAHAN INI BERLAKU MAKA TERJADI BANYAK KEHILANGAN HARTA BENDA DAN JIWA. KITA TIDAK DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAN TENANG. RAKYAT HIDUP DALAM KEADAAN KEPAYAHAN KERANA PERGESERAN KAUM SELANJUTNYA BOLEH TERJADI PADA BILA-BILA MASA. SETIAP KAUM MENJADI SENSATIF DAN INI TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA MANA-MANA PIHAK.

PERISTIWA INI TELAH MENGAJAR KITA MAKNA TOLERANSI DAN PERPADUAN YANG MENYEBABKAN KERAJAAN MELAKSANAKAN BEBERAPA DASAR YANG PENTING BAGI MENINGKATKAN INTERGRASI NASIONAL SEPERTI DASAR PENDIDIKAN NEGARA, DASAR EKONOMI BARU, DASAR KEBUDAYAAN NASIONAL DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

HASILNYA HARI INI KITA MELIHAT SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG TIDAK SAHAJA AMAN MAKMUR TETAPI JUGA MAJU DAN DIHORMATI DUNIA. KITA HIDUP DALAM SUASANA YANG SALING HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SESAMA KAUM SELEPAS ITU DAN PARA PELAJAR DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PELAJARAN.

TIADA FAEDAHNYA SESEBUAH NEGARA ITU MEMPUNYAI SUMBER HASIL YANG BANYAK SEPERTI MINYAK, EMAS, TANAH YANG SUBUR DAN SEBAGAI JIKA MASYARAKATNYA TERUS BERGOLAK. PEMBANGUNAN TIDAK AKAN DAPAT DIHASILKAN KERANA BANYAK MASA DAN WANG RINGGIT TERPAKSA DIHABISKAN BAGI MEMULIH DAN MEWUJUDKAN KEAMANAN.

KALAU KITA BERSATU PADU TANPA MENGIRA KAUM, UMUR DAN KEDUDUKAN INSYAALLAH KITA AKAN DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN NEGARA HASIL DARIPADA KESEPAKATAN KITA BERSAMA DEMI SATU TUJUAN IAITU KESEJAHTERAAN RAKYAT.

DENGAN ITU TARAF HIDUP RAKYAT AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN. USAHA-USAHA PEMBANGUNAN TERMASUKLAH DALAM BIDANG PENDIDIKAN, SOSIAL, KEBUDAYAAN, KESUKANAN, EKONOMI DAN



SEBAGAINYA AKAN BERJALAN DENGAN BAIK. BENARLAH KATA PEPATAH BAHAWA SEPAKAT MEMBAWA BERKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBAGAI SEORANG YANG TERPELAJAR SEHARUSNYA KITA SUDAH MENJADI MATANG DAN ISU PERKAUMAN TIDAK HARUS MEMBAYANGI DIRI KITA. YANG PENTING PADA PERINGKAT INI IALAH MENANAMKAN SEMANGAT PATRIOTISME KEPADA NEGARA.

PATRIOTISME ADALAH SATU SEMANGAT DAN PERASAAN KECINTAAN KEPADA NEGARA YANG LAHIR DARI DALAM DIRI KITA SENDIRI TANPA PAKSAAN. PERASAAN KECINTAAN YANG WUJUD ITU AKAN MEMBAWA PENGORBANAN YANG JUJUR DAN IKHLAS DEMI MEMPERTAHANKAN DAN

MENINGKATKAN MARUAH BANGSA DAN NEGARA. IA MEMERLUKAN PENGHAYATAN DAN KESEDARAN YANG MENDALAM AKAN ERTI RAHMAT DAN BERSYUKURNYA DAPAT HIDUP DALAM NEGARA YANG AMAN MERDEKA.

MAHASISWA HARI INI PERLU MELIHAT KEPADA NEGARA-NEGARA YANG DICABULI KEDAULATANNYA SEBAGAI PENGAJARAN. PEPERANGAN YANG BERLAKU DI PALESTIN, LUBNAN, AFGHANISTAN DAN IRAQ PERLU DIAMBIL IKTIBAR. PENDUDUK DI NEGARA TERSEBUT HIDUP DALAM KEADAAN MENDERITA.

BERLAKU BANYAK KEMUSNAHAN JIWA DAN RAGA, KEDIAMAN DAN KEMUDAHAN AWAM LAIN SEPERTI JALAN RAYA, HOSPITAL, SEKOLAH DAN SEBAGAINYA. TIADA LAGI ERTI MARUAH DAN HARGA DIRI BAGI SEBUAH BANGSA YANG BERDAULAT.

DI PALESTIN, SABAN HARI MEREKA DISAJIKAN DENGAN PENINDASAN DEMI PENINDASAN OLEH REJIM ZIONIS TANPA MENGIRA ANAK KECIL, ORANG TUA, PENDUDUK AWAM DAN SESIAPA SAHAJA. MEREKA YANG TIDAK BERDOSA DIBUNUH DAN DISEKSA. NAMUN MEREKA TERUS BERJUANG DENGAN APA SAHAJA DEMI SEMANGAT PATRIOTISME MEREKA KEPADA NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

DALAM KONTEKS KITA YANG HIDUP DALAM SUASANA AMAN DAN HARMONI, SEMANGAT PATRIOTISME ITU PERLU DITAFSIR DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS. SELAIN DARIPADA MENJAGA PERPADUAN, KITA PERLULAH MENUNAIKAN AMANAH KEPADA NEGARA DENGAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PELAJARAN. DENGAN CARA INI KITA AKAN DAPAT MEMBAWA

MALAYSIA UNTUK LEBIH DIHORMATI DAN DISEGANI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

PERJUANGAN UNTUK MENGANGKAT NAMA MALAYSIA SUPAYA LEBIH TERSOHOR DALAM PELBAGAI BIDANG SAMA ADA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, EKONOMI DAN SEBAGAINYA ADALAH SATU SEMANGAT PATRIOTISME YANG PERLU ADA PADA SETIAP DIRI MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI.

MARILAH KITA MELIHAT MASYARAKAT JEPUN SEBAGAI CONTOH YANG BAIK DALAM MENANAMKAN SIFAT PATRIOTISME PADA DIRI MEREKA. MEREKA MENANAMKAN SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI DENGAN BERUSAHA GIGIH DALAM BIDANG EKONOMI DEMI MEMBANGUNKAN KEMBALI NEGARANYA YANG



TELAH DIMUSNAHKAN DALAM PERANG DUNIA KEDUA.

HARI INI NEGARA JEPUN TIDAK SAHAJA DILIHAT SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN MAKMUR TETAPI JUGA TELAH MENGUASAI DUNIA DALAM PELBAGAI BIDANG TERUTAMANYA DALAM BIDANG EKONOMI, SAINS DAN TEKNOLOGI. MEREKA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA SEMANGAT PATRIOTISME UNTUK MENGEMBALIKAN PEMBANGUNAN NEGARA SETELAH DIMUSNAHKAN DALAM PERANG DUNIA KEDUA TELAH MEMBAWA KEPADA PENGHORMATAN DUNIA.

PRODUK NEGARA JEPUN SAMA ADA BARANGAN ELEKTRIK, AUTOMOTIF, ICT DAN SEBAGAINYA BERADA DI SELURUH DUNIA. SYARIKAT-SYARIKAT BESAR DAN TERNAMA SEPERTI HONDA, HITACHI, SONY DAN SEBAGAINYA DIBUKA DI MERATA

TEMPAT TIDAK SAHAJA DI JEPUN TETAPI JUGA DI NEGARA ASING.

INI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT TEMPATAN DI NEGARA TERSEBUT UNTUK BEKERJA DAN MENIKMATI PEMBANGUNAN EKONOMI. SECARA TIDAK LANGSUNG KEADAAN TERSEBUT TELAH MENJADI PENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN DUNIA. INILAH YANG PERLU ADA PADA DIRI KITA HARI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA YB DATUK YAAKUB BIN MD AMIN YANG SUDI HADIR PADA MAJLIS INI SELEPAS MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA TUN CANSELOR YANG DIADAKAN PADA 03 MAC YANG LALU.



TIDAK DILUPAKAN JUGA JUTAAN TERIMA KASIH  
DIUCAPKAN KEPADA PIHAK BIRO TATANEGARA  
KERANA SENTIASA SEDIA UNTUK MENGHULURKAN  
BANTUAN DAN SOKONGAN KEPADA PIHAK  
UNIVERSITI DALAM MENGANJURKAN PROGRAM  
SEUMPAMA INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

DIHARAPKAN KERJASAMA ERAT INI AKAN TERUS  
BERKEKALAN DAN DAPAT DIPERTINGKATKAN PADA  
MASA HADAPAN DEMI TUJUAN DAN MATLAMAT  
MURNI YANG SAMA UNTUK MEMBANGUNKAN  
AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

SAYA JUGA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH  
KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN  
ALUMNI, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, WAKIL-  
WAKIL PELAJAR DAN SETERUSNYA KEPADA SEMUA  
PIHAK YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS  
MEMASTIKAN SEMINAR PADA HARI INI BERJAYA  
DILAKSANAKAN.